



**SPECIAL RESEARCH GRANT SCHEME-  
INTERNATIONAL COLLABORATION  
(SRGS-IC)  
(PINDAAN 2020)**

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)**

## **1.0 TUJUAN**

Skim Geran Penyelidikan Special Research Grant Scheme- International Collaboration (SRGS-IC) ialah dana khas Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bertujuan melonjakkan penjanaan teori, konsep dan idea baharu dengan adanya jalinan kerjasama secara MoU/MoA dengan mana-mana industri, agensi atau institusi dari luar negara yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baharu demi perkembangan ilmu dan penciptaan inovatif dalam kalangan penyelidik UniSZA.

## **2.0 TEMPOH PENYELIDIKAN**

Tempoh penyelidikan adalah maksimum **TIGA** (3) tahun.

## **3.0 SILING PERUNTUKAN**

### **3.1 Pemohon**

- i) Bagi projek dalam bidang Sains dan Teknologi (*S&T*), siling peruntukan adalah **RM 30,000**, manakala;
- ii) Bagi projek dalam bidang bukan Sains dan Teknologi (*non S&T*) siling peruntukan ialah **RM 15,000**.

### **3.2 Rakan Kolaborasi**

Peruntukan minimum yang perlu disumbangkan oleh rakan kolaborasi untuk geran padanan ini adalah seperti berikut:-

- i) Bagi projek dalam bidang Sains dan Teknologi (*S&T*), siling peruntukan adalah **RM 10,000**, manakala;
- ii) Bagi projek dalam bidang bukan Sains dan Teknologi (*non S&T*) siling peruntukan ialah **RM 5,000**.

## **4.0 KEBERHASILAN PENYELIDIKAN**

### **4.1 Penerbitan**

#### i) Projek bernilai RM 5,000 hingga RM 10,000;

- hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya **satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks WOS Q1 hingga Q4 ATAU dua (2) penerbitan terindeks SCOPUS/ Emerging Sources Citation Index (ESCI)**. Penghargaan kepada geran SRGS-IC mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

#### ii) Projek bernilai RM 10,001- RM 30,000;

- hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya **dua (2) penerbitan dalam jurnal berindeks WOS Q1 hingga Q4 ATAU empat (4) penerbitan terindeks SCOPUS/ Emerging Sources Citation Index (ESCI)**. Penghargaan kepada geran SRGS-IC mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

- 4.2 Setiap draf penerbitan yang dihasilkan di bawah geran SRGS-IC ini hendaklah dihantar kepada pihak CREIM terlebih dahulu untuk dinilai oleh pakar bidang sebelum dihantar kepada pihak jurnal.**

## **5.0 SYARAT PERMOHONAN**

Dana ini terbuka kepada semua kakitangan akademik di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan syarat-syarat berikut:-

- 5.1 Terbuka kepada semua kakitangan akademik gred 51/52 ke atas dan mesti diketuai oleh seorang kakitangan akademik bertaraf tetap atau kontrak (minimum enam (6) bulan aktif); dan
- 5.2 Pemohon hanya dibenarkan menjadi ketua penyelidik bagi satu projek sahaja untuk geran ini.
- 5.3 Pemohon pernah atau sedang mengetuai geran penyelidikan kompetitif dan mencapai KPI projek (bagi projek telah tamat).
- 5.4 Ahli kumpulan dalam satu projek (tidak termasuk ketua projek) adalah tidak melebihi lapan (8) orang. Ahli adalah terdiri daripada kakitangan akademik atau/dan kolaborator. Kolaborator adalah terdiri daripada pihak institusi/ agensi/ industri dari luar negara.
- 5.5 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.
- 5.6 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan bercuti sabatikal (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan baharu. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 5.7 Setiap permohonan mestilah mempunyai **bukti MoU/ MoA aktif ATAU sekurang-kurangnya LOI/LOA** dengan institusi/ agensi/ industri berkolaborasi dari luar negara tersebut.

## **6.0 PERATURAN PERMOHONAN**

- 6.1 Permohonan bagi SRGS-IC ini adalah secara borang manual yang boleh dimuat turun melalui laman web rasmi CREIM.
- 6.2 Permohonan untuk SRGS-IC dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat permohonan permohonan dan **dibuka sepanjang tahun**.
- 6.3 Semua permohonan akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM).

## **7.0 KRITERIA PENILAIAN**

- 7.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep baharu yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baharu demi perkembangan ilmu dan penciptaan inovatif di kalangan penyelidik UniSZA;
- 7.2 Penyelidikan yang merangkumi isu semasa dan isu-isu kemanusiaan serta kemasyarakatan di peringkat kebangsaan / serantau / antarabangsa bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat.

## 8.0 PERATURAN KEWANGAN

### 8.1 **Vot 11000**

(Upah dan Elaun) untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/ Pembantu Penyelidik (RA)

- 8.1.1 Siling upah dan elaun tidak melebihi RM1,300 bagi Sarjana dan RM1,800 bagi PhD; atau mengikut garis panduan IPT (penghasilan bakat adalah tidak wajib dan bergantung pada kecukupan dana geran).

### 8.2 **Vot 21000**

Perjalanan dan pengangkutan

- 8.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

- 8.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan CREIM/ pihak Universiti) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu Penyelidik Siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka dalam negara sahaja.
- b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/ seminar/ bengkel/ kolokium yang berkait secara terus dengan penyelidikan.
- c) Bagi tujuan pembentangan hasil penyelidikan di luar negara, hanya pembentangan secara lisan sahaja dan akan menerbitkan artikel penuh terindeks SCOPUS/ ESCI dan WoS sahaja dibenarkan.
- d) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- e) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan universiti.
- f) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

8.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

8.3 **Vot 24000**

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

8.4 **Vot 27000**

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

8.5 **Vot 28000**

Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Dana ini.

8.6 **Vot 29000**

Perkhidmatan Ikhtisas

a) Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

b) Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan ini hendaklah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

8.7 **Vot 35000**

Aksesori dan peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

## 9.0 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- 9.1 Penyelidik **tidak dibenarkan** untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:-
- 9.1.1 Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
  - 9.1.2 Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;
  - 9.1.3 Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya);
  - 9.1.4 Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi;
  - 9.1.5 Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis/kertas/meja/kerusi dan seumpamanya);
  - 9.1.6 Pembelian peralatan storan (seperti external hardisk/pendrive/CD dan seumpamanya);
  - 9.1.7 Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan penyelidikan.

## 10.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

Surat kelulusan penyelidikan akan dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) kepada para penyelidik yang berjaya setelah melalui proses penilaian.

Penyelidik hanya dibenarkan melakukan kerja-kerja penyelidikan setelah menerima surat kelulusan.

Keputusan penilaian adalah muktamad.

## 11.0 PEMANTAUAN

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Special Research Grant Scheme- International Collaboration (SRGS-IC) perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi projek; dan
- ii. Prestasi kewangan.

Pemantauan projek penyelidikan perlu dihantar ke pejabat CREIM bagi tempoh **enam (6) bulan sekali**.